


KEJOHANAN BOLA SEPAK PIALA PERSATUAN BAHASA TAMIL UNIVERSITI MALAYA 2008.



Oleh ; Mohd Hafeez Nordin

Sebelum tahun 2008 melabuhkan tirainya pasukan Bola Sepak Pelajar Tamil UniMAP telah menyertai kejohanan bola sepak anjuran Persatuan Bahasa Tamil Universiti Malaya pada 27 hingga 30 November 2008. Kejohanan ini telah berlangsung di padang varsity A di Universiti Malaya Kuala Lumpur. Sebanyak 12 pasukan telah mengambil bahagian pada kejohanan kali ini dimana penyertaan adalah hanya pada IPTA dan IPTS yang dijemput sahaja. Format pertandingan adalah berbentuk liga yang dibahagikan kepada 2 kumpulan iaitu Kumpulan A yang di wakili oleh pasukan UteM, UUM, UniMAP, MMU Melaka dan Segi College dan UM (B). Manakala Kumpulan B adalah pasukan UM (A), MAHSA COLLEGE, KLIUC, MMU Kuala Lumpur, UPM dan UniTEN.

Pada perlawanan kali ini pasukan UniMAP telah memenangi 1 perlawanan 1 seri dan 1 kalah pada kali ini. Dibawah Pengurusan En Mohd Hafeez Bin Nordin dan juga dikendalikan oleh En Zulfikar B Abdulah selaku jurulatih pasukan pelajar UniMAP dan En. Mohd Faisal Bin Abd Wahab selaku pembantu jurulatih tetap berpuashati dengan perkembangan anak buahnya yang mana Pasukan Bola Sepak Pelajar Tamil UniMAP hanya mampu untuk bermain di peringkat kumpulan sahaja dan ini adalah tahun permulaan buat pasukan UniMAP yang pada kali pertama di jemput pada kejohanan kali ini. Seramai 21 orang pemain dan 3 orang pegawai telah menyertai kejohanan buat edisi kali ke 2 ini. Walaupun berada ditahap ini, pihak pengurusan yakin akan kejayaan dan pencapaian yang ditunjukkan oleh mereka akan mendatangkan hasil pada masa yang akan datang.

Bola Sepak Piala PBTUM 2008